

FASA 1
STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI
PUSAT PEMBELAJARAN

NAMA PUSAT : *LET'S GET CRAFTY (AL BATTANI)*
FUNGSI : *KRAF DAN KREATIF*
TAJUK : *PELEKAT CAKERAWALA (magnet)*

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	KE 3.3	Menzahirkan idea kreatif dalam penghasilan karya seni (Ekspresi Kreatif)
2	STANDARD PEMBELAJARAN	KE 3.3.3	Membuat corak dan rekaan mengikut kreativiti sendiri
3	STREAM	S	Memerhati dan mengenalpasti objek di cakerawala.
		T	Kain felt, fiber, magnet
		R	Menceritakan dan mengagumi penciptaan tuhan dan bersyukur.
		E	Merekabentuk objek cakerawala.
		A	Menghasilkan objek cakerawala, mewarna dan menghias mengikut kreativiti.
		M	Membezakan bentuk dan saiz objek cakerawala.
4	OBJEKTIF	Kanak-kanak dapat menghasilkan pelekak cakerawala mengikut kreativiti sendiri.	
5	BBM	<i>hot glue</i> , alat tulis	
6	NILAI MURNI	Menghargai bakat sendiri, berani, yakin, menghormati orang lain dan sabar.	
7	<u>STRATEGI PELAKSANAAN</u>		

1. Kanak-kanak dibawa ke Pusat Pembelajaran.
2. Guru menunjukkan kepada kanak-kanak kad gambar bintang, sistem solar dan matahari.
3. Guru menunjukkan pelbagai jenis objek cakerawala kepada kanak-kanak seperti bulan, bintang dan matahari.
4. Guru memberikan penerangan kepada kanak-kanak mengenai aktiviti yang akan dijalankan:
 - i) Kanak-kanak mengambil bentuk cakerawala yang disukai
 - ii) Kanak-kanak memasukkan fiber di dalam bentuk dan melekatkan magnet.
5. Guru meminta kanak-kanak mengambil bahan-bahan yang disediakan untuk menghasilkan pelekat cakerawala.
6. Guru meminta kanak-kanak menjalankan aktiviti secara individu mengikut kreativiti sendiri dengan arahan yang telah diberikan.
7. Guru meminta kanak-kanak melekatkan objek cakerawala di ruang kelas.
8. Kanak-kanak berkongsi pengalaman mereka menghasilkan pelekat cakerawala.
9. Pelekat cakerawala dipamerkan di Galeri AI- Battani.

Nota:

* Guru boleh menyediakan BBM berdasarkan jenis kraf yang hendak dihasilkan.

